

Newspaper	Berita Harian
Date	11/10/2012

DASAR PANDANG KE TIMUR - SATU DIMENSI BARU

Pandang Ke Timur kekal

BH - 11/10/2012

» Tiga langkah pastikan dasar terus berjaya 30 tahun lagi

Oleh Syuhada Choo Abdullah dan Shaarani Ismail
bhnews@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mengariskan tiga langkah yang harus dilaksanakan bagi memastikan Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan pada 1982, terus mencatat kejayaan untuk 30 tahun lagi.

Langkah itu ialah meningkatkan kegunaan pemerolehan kemahiran, pengetahuan dan nilai yang menjadi paksi kejayaan dasar berkenaan dengan memperluas jaringan kerjasama terutama melalui penyertaan lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Perdana Menteri berkata, beliau ingin melihat lebih banyak PKS Jepun bekerjasama dengan syarikat Malaysia dalam berkepakaran seperti teknologi hijau, perkhidmatan teknikal dan sektor nilai tambah tinggi yang lain.

“Kerjasama strategik ini akan menyumbang ke arah peralihan kita kepada ekonomi berasaskan inovasi dan pengetahuan, sekali gus membantu mengukuhkan tulang belakang ekonomi kita,” katanya menyampaikan ucapannya pada persidangan ‘Dasar Pandang Ke Timur - Satu Dimensi Baru’ dan Persidangan Bersama Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (MAJECA) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malay-



Najib beramah mesra dengan usahawan Malaysia di Jepun, Akmal Abu Hassan di ibu negara, semalam.

[FOTO EFFENDY RASHID/BH]

sia (JAMECA) Ke-31 di sini, semalam.

Sasaran lebih khusus

Seterusnya, Najib berkata, Dasar Pandang Ke Timur harus ada sasaran lebih khusus dan berkait rapat dengan hasil spesifik, seperti jenis kemahiran yang ingin diperolehi, bidang dan peringkat terbabit.

Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), katanya, Malaysia bergerak ke industri berasaskan pengetahuan dan berteknologi tinggi dengan tumpuan kepada industri berkaitan pengurusan alam sekitar, penjimatan tenaga serta teknologi hijau.

“Kita sudah mengenal pasti prospek pertumbuhan dalam bidang seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pelancongan. Ini adalah beberapa indikator keutamaan kita pada tahun akan datang. Justeru, kita perlu membina prog-

ram Pandang Ke Timur yang menangani keperluan bidang utama di bawah program ETP,” katanya.

Selain itu, Najib berkata, usaha tidak harus bertumpu kepada melahirkan graduan berkualiti dan diperlukan pasaran kerja, tetapi juga institusi lebih kukuh untuk menjadi kunci kepada perkongsian yang benar-benar berkekal.

Sambut baik MJIIT

Dalam konteks ini, beliau gembira dengan penubuhan Institut Teknologi Antarabangsa Malaysia-Jepun (MJIIT) yang menjadi pusat kecemerlangan pendidikan kejuruteraan bagi ASEAN.

“Ia akan menggalakkan lebih banyak syarikat Jepun melabur di Malaysia.

“Saya secara jujur berharap ia juga akan mendorong lebih banyak universiti Jepun menubuhkan kampus cawangan

di sini,” katanya.

Najib percaya tiga perubahan itu akan adil kepada semangat asal pelaksanaan Dasar Pandang Ke Timur iaitu mewujudkan kerjasama yang luas, berkesan dan berpanjangan, secara langsung memanfaatkan rakyat, industri serta ekonomi negara.

